

16 JUN 1999

Singapura-Malaysia

GOH JANGKA LEBIH BANYAK RUNDINGAN DENGAN MALAYSIA

SINGAPURA, 16 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Goh Chok Tong menjangka rundingan mengenai isu hubungan dua hala antara Malaysia dan Singapura yang tertangguh akan dapat diselesaikan, kata laporan televisyen di sini, malam ini.

Goh memberitahu wartawan Singapura ketika melawat Korea Selatan bahawa terdapat beberapa rundingan lagi sebelum sebarang keputusan dapat dicapai.

Dalam temu ramah yang dibuat oleh Television Corporation of Singapore (TCS), Goh berkata "ada kemajuan yang dicapai kerana kita telah bercakap, memberi mereka jawapan kepada beberapa permintaan yang mereka mahu dan mereka juga telah memberi jawapan kepada permintaan kita."

"Tetapi jurangnya masih lagi luas," tambah beliau.

Laporan itu menyebut Goh sebagai berkata bahawa kedua-dua pihak telah merapatkan jurang ke atas `perkara yang dipersetujui' yang ditandatangani kedua-dua negara mengenai pembangunan tanah keretapi milik Malaysia di republik itu, kerana Singapura telah bersedia memberikan persetujuan ke atas permintaan Malaysia.

Mengenai perjanjian baru bagi air, Goh dilaporkan sebagai berkata bahawa jurang tersebut menjadi semakin besar kerana Malaysia telah menawarkan kurang daripada apa yang dipersetujui beliau dan rakan sejawatannya dari Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed.

Kedua-dua pemimpin telah memutuskan dalam pertemuan akhir tahun lepas untuk menyelesaikan masalah itu secara pakej yang termasuk perjanjian bekalan air untuk Singapura selepas kontrak sekarang berakhir tahun 2011 dan 2061.

Singapura mahukan bekalan air mentah ditambah dua kali ganda di bawah perjanjian baru 100 tahun sehingga tahun 2161, tetapi Malaysia dikatakan hanya bersetuju membekalkan air bersih pada kadar sekarang iaitu 350 juta gelen sehari.

Pegawai Kementerian Luar kedua negara telah bertemu tiga kali tahun ini dan dijangka bertemu lagi sama ada Julai atau Ogos depan, di Kuala Lumpur.

-- BERNAMA

tcl sbj zb